



Ruj Kami: KKM.600-1/2/3.Jld.2(6A)  
Tarikh : 14 Ogos 2019

*YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL.  
6 /2019:**

**PINDAAN KATEGORI PRESKRIBER UBAT INJEKSI ARTESUNATE  
60MG DARIPADA A KEPADA B UNTUK RAWATAN SEVERE MALARIA**

**1. TUJUAN**

Memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan di Fasiliti Kesihatan mengenai pindaan ubat injeksi Artesunate 60mg (IV Artesunate) daripada kategori preskriber A kepada B bagi rawatan semua *severe malaria* di fasiliti kesihatan.

**2. LATAR BELAKANG**

Semasa Mesyuarat Semakan Kematian Denggi dan Malaria Peringkat Kebangsaan Tahun 2018, ubat injeksi Artesunate 60mg dicadangkan disediakan di Klinik Kesihatan yang bertujuan memberikan rawatan segera kepada kes *severe malaria* sebelum dipindahkan ke hospital bagi menyelamatkan nyawa pesakit dan selaras dengan garis panduan rawatan malaria yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Bahagian Kawalan Penyakit telah mengemukakan permohonan untuk meminda kategori preskriber *Intravenous* (IV) Artesunate daripada kategori A ke B supaya dapat diberikan di klinik tanpa pakar perubatan. Permohonan pindaan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Panel Kaji Semula Senarai Ubat-ubatan KKM (KKM.600-34/4/09 Jld. 8(26) bertarikh 10 April 2019.

### 3. PELAKSANAAN:

Bagi memastikan kes *severe malaria* dapat diberikan rawatan segera, YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu:

- 3.1 Memastikan bekalan IV Artesunate disediakan di semua Klinik Kesihatan yang mempunyai Pegawai Perubatan.
- 3.2 Memastikan pesakit yang mengalami tanda dan gejala *severe malaria* diberi satu (1) dos IV Artesunate sebelum pemindahan ke pusat rawatan tertiar.
- 3.3 Memastikan semua kes malaria dimasukkan ke hospital untuk rawatan.
- 3.4 Memastikan tatacara pengurusan rawatan kes malaria adalah selaras dengan *Management Guidelines of Malaria in Malaysia 2013*.

### 4. PERTANYAAN :

Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Kawalan Penyakit  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
(u.p: Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor)

## 5. TARIKH PELAKSANAAN

Pelaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya Yang Menjalankan Amanah,*



**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG  
(NO. MPM 26477)  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN  
(KESIHATAN AWAM)

- s.k
- i) - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia
  - ii) - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia
  - iii) - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Kementerian Kesihatan Malaysia
  - iv) - Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN :**

1. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

14. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
15. Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
16. Pengarah Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia
17. Pengarah Hospital / Institusi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
18. Pengarah Hospital Universiti
19. Pengarah Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia